

# PM arah publisiti potensi industri

## Labuan

UM 19 FEB 1985

# ditingkatkan

**L**ABUAN 18 Feb. - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengarahkan Kementerian Wilayah Persekutuan supaya meningkatkan publisiti mengenai potensi perindustrian dan pelancongan di Pulau Labuan bagi menarik lebih banyak pernyertaan sektor swasta.

Ini termasuklah dasar memberi kelulusan kepada bakal - bakal pelabur melaksanakan projek - projek pembangunan mengikut dasar siapa cepat dia dapat, katanya selepas mendengar taklimat mengenai pembangunan pulau itu oleh Ketua Setiausaha Kementerian tersebut, Datuk Dr. Elyas Omar di sini.

Perdana Menteri juga mengarahkan kementerian itu supaya menemupatkan semula ataupun membangunkan semula kawasan setinggian di tepi laut dengan mengadakan rumah - rumah kos rendah yang dilengkapkan dengan kemudahan - kemudahan sempurna.

tahu, sebuah pelabuhan baru berharga kira - kira \$80 juta sedalam 20 meter akan dibina di Labuan oleh sebuah syarikat swasta sebagai tambahan kepada pelabuhan yang ada sekarang.

Menurutnya, tapak pelabuhan itu masih belum ditetapkan tetapi kemungkinan besar berhampiran kawasan perindustrian Ranca - Ranca.

Datuk Dr. Elyas menjemput syarikat - syarikat swasta sama ada daripada dalam dan luar negeri untuk menyertai kerajaan memajukan Pulau Labuan sama ada dalam sektor perindustrian atau pelancongan.

Katanya, kerajaan akan memberi pernyertaan kepada swasta dalam bentuk 'siapa dahulu dia dapat' dan bukan mene-

rusi sistem tender. Setakat ini sambutan adalah menggalakkan dalam projek - projek menambak tanah, perhotelan dan perindustrian dan pelancongan.

Potensi untuk membangunkan Labuan sebagai sebuah bandar perindustrian dan juga pelancongan, katanya adalah cerah memandangkan terdapat pelabuhan yang baik dan lapangan terbang di Wilayah Persekutuan itu di samping mempunyai pantai dan pulau - pulau yang indah.

Beliau memberitahu, dari segi infrastruktur kerajaan akan membelanjakan sebanyak \$70 juta untuk pembinaan jalan raya. Tahun ini sahaja sebanyak \$22 juta akan dibelanjakan untuk pembinaan sejumlah 64

kilometer (40 batu) jalan raya.

Datuk Dr. Elyas menambah, tujuh buah kawasan akan dibangunkan untuk dijadikan taman rekreasi serta beberapa buah pulau termasuk Pulau Daad, Terumbu Layang - Layang sebagai menarik pelancong.

Kawasan setinggian di kampung - kampung air di sekitar pulau ini juga akan dibangunkan menjadi kawasan perumahan yang lebih baik untuk setinggian - setinggian.

Sistem saluran najis di bandar ini juga, katanya, akan diperbaiki untuk menjadikannya lebih moden dan lebih bersih yang mana saluran sepanjang empat kilometer akan dipasang dengan belanja \$70 juta.